




**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



# PANDUAN PENDAFTARAN PROGRAM PRASISWAZAH SESI AKADEMIK 2025/2026



Bertekad Cemerlang  
STRIVE TO EXCEL  
Leading Towards Innovative Societies

#UMStheBrainofBorneo  
#BrainofBorneo

088-320 000 <http://bpa.ums.edu.my>  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN AKADEMIK, UMS

---

## AMARAN

---

Pelajar yang didapati memberi **maklumat palsu/ tidak benar/ manipulasi** maklumat berkaitan dengan Keputusan peperiksaan dalam borang permohonan kemasukan **akan diambil tindakan dengan;**

- a) Surat tawaran ditarik balik, dan
- b) Dikenakan tindakan undang-undang

**Maklumat ini akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran.**

**PERINGATAN PENTING**  
**SEORANG PENAGIH, PENGEDAR ATAU TERLIBAT DENGAN**  
**KEGIATAN PENYALAHGUNAAN DADAH ADALAH**  
**TIDAK LAYAK UNTUK MENDAFTAR SEBAGAI PELAJAR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)**

## HARI PENDAFTARAN DAN LAPOR DIRI

**CALON DIKEHENDAKI UNTUK MENDAFTAR PADA MASA DAN KETETAPAN SEPERTI BERIKUT:**

PERKARA	TARIKH	MASA	TEMPAT
Pendaftaran Universiti	<b>27-28 September 2025</b>	8.30 pagi - 4.30 petang	<b>Seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran</b>

### PENGUGURAN TAWARAN

Pihak Universiti berhak menarik balik tawaran sekiranya syarat-syarat yang ditetapkan tidak dipatuhi dan sekiranya calon mengemukakan maklumat/dokumen palsu semasa permohonan/ pendaftaran.

<b>PANDUAN PENDAFTARAN DAN LAPOR DIRI</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tindakan yang perlu diambil oleh Calon Setelah Menerima Surat Tawaran</li> <li>▪ Syarat-syarat tawaran kemasukan ke UMS</li> </ul>	4
<b>INFOGRAFIK PERSEDIAAN DAN PENDAFTARAN UNIVERSITI SESI 2025/2026</b>	6 - 10
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Infografik proses pendaftaran Prasiswazah Baharu</li> <li>▪ Carta Alir Proses Pengesahan dan Pendaftaran Universiti</li> <li>▪ Carta Alir Proses Pendaftaran Universiti Secara Online (e-daftar)</li> <li>▪ Infografik Persediaan dan Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi 2025/2026</li> </ul>	
<b>PERSEDIAAN UNTUK HARI LAPOR DIRI</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penyediaan Gambar</li> <li>▪ Maklumat Ketibaan</li> </ul>	12 - 13
<b>YURAN PENGAJIAN &amp; KAEDAH PEMBAYARAN</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Proses Pembayaran Yuran Pendaftaran dan Pengajian Pelajar</li> <li>▪ Kadar Yuran Pengajian Bagi Program Ijazah Sarjana Muda</li> <li>▪ Biasiswa / Pinjaman / Tajaan lain</li> <li>▪ Akaun Simpanan I-Pro RHB Bank</li> <li>▪ Kaedah Pembayaran Yuran Pelajar / <i>Method of Payment</i></li> <li>▪ Waktu Operasi Hotline</li> </ul>	15 - 23
<b>MINGGU SUAI MESRA</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Program Minggu Suai Mesra (MSM)</li> </ul>	25
<b>SAHSIAH RUPA DIRI</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Infografik Kod Etika Pakaian Pelajar UMS</li> </ul>	27 - 28
<b>KOLEJ KEDIAMAN DAN KEMUDAHAN LAIN</b>	30 - 37
<b>BORANG-BORANG YANG PERLU DIMUATNAIK DALAM SMPB</b>	39
<b>MAKLUMAT UMUM</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Biasiswa / Tajaan / Pinjaman</li> <li>▪ Pengeluaran KWSP IbuBapa</li> <li>▪ Pembiayaan PTPTN</li> <li>▪ Tabung Kebajikan Pelajar</li> <li>▪ Panduan Pergerakan Masuk &amp; Keluar Kenderaan</li> </ul>	41 - 46
<b>SOALAN-SOALAN LAZIM</b>	48 - 51
<b>SOAL SELIDIK MENGENAI UMS</b>	52

# **PANDUAN PENDAFTARAN DAN LAPOR DIRI**

# PANDUAN PENDAFTARAN DAN LAPOR DIRI

## TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH CALON SETELAH MENERIMA SURAT TAWARAN

Calon hendaklah menjawab penerimaan atau penolakan tawaran dalam tempoh **LIMA (5) HARI** daripada tarikh surat tawaran. Sekiranya Universiti tidak menerima sebarang pengesahan dalam tempoh tersebut, pelajar dianggap telah menolak tawaran. Pihak Universiti tidak akan menghantar sebarang **PERINGATAN**.

### **NOTA:**

Anda dinasihati supaya membuat keputusan yang teliti termasuk berbincang dengan ibubapa sama ada menerima atau menolak tawaran. Ini kerana setelah keputusan dibuat ia tidak boleh lagi dipinda.

## SYARAT-SYARAT TAWARAN KEMASUKAN KE UMS

1. Tawaran Kemasukan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - Pengesahan oleh Senat Universiti Malaysia Sabah.
  - Pengesahan dan kelulusan doktor bahawa calon berada dalam keadaan sihat untuk mengikuti kursus pengajian di Universiti.
  - Tidak terdapat sebarang kesilapan mengenai syarat minima yang diperolehi oleh calon dan calon mestilah memenuhi syarat-syarat khas program yang ditawarkan untuk diterima masuk ke Universiti.
  - Tiada maklumat yang palsu/salah diberikan atau dirahsiakan semasa permohonan masuk ke Universiti.
2. Setelah mendaftar sebagai pelajar, seseorang calon adalah **WAJIB**:
  - Mematuhi Undang-undang Negara dan Undang-undang Universiti termasuk Akta Universiti dan Kolej Universiti, Peraturan Perpustakaan, Kaedah-kaedah Tata tertib Pelajar Universiti serta peraturan-peraturan lain Fakulti/Akademi yang berkenaan;
  - Sentiasa memelihara nama baik Universiti dan menjaga harta benda serta kemudahan perkhidmatannya daripada dirosak oleh sesiapa juga;
  - Menghormati para Pegawai Universiti;
  - Mematuhi Peraturan Asrama Universiti;
  - Mematuhi Peraturan Lalulintas dan Undang-Undang Lalulintas Negara serta Peraturan Keselamatan Universiti;
  - Mengambil bahagian dalam segala kegiatan akademik, ko-kurikulum, khidmat masyarakat dan aktiviti lain yang berkenaan yang dianjurkan oleh Universiti dan Negara;
  - Tidak terlibat dengan sebarang kegiatan yang menghalang perjalanan Universiti;
  - Mematuhi Etika Pakaian Universiti;
3. Pelajar hendaklah melaporkan diri pada tarikh yang ditetapkan dalam surat tawaran sekiranya menerima tawaran ini. Tawaran ini dianggap terbatal sekiranya calon gagal melaporkan diri pada tarikh tersebut, melainkan telah mendapat kebenaran terlebih dahulu dari pihak Universiti.
4. Pihak berkuasa Universiti berhak menarik balik tawaran sekiranya pelajar didapati melanggar syarat-syarat tersebut di atas.

# **INFOGRAFIK PERSEDIAAN DAN PROSES PENDAFTARAN UNIVERSITI SESI 2025/2026**

## PROSES PENDAFTARAN PELAJAR PRASISWAZAH BAHARU



# PROSES PENDAFTARAN PELAJAR PRASISWAZAH BAHARU

SESI AKADEMIK 2025/2026






# CARTA ALIR PROSES PENGESAHAN DAN PENDAFTARAN UNIVERSITI 2025/2026



## CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN UNIVERSITI SECARA ONLINE (E-DAFTAR)



# CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN UNIVERSITI SECARA ONLINE (E-DAFTAR)



# INFOGRAFIK PERSEDIAAN DAN PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI 2025/2026 (VERSI BAHASA MELAYU)



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**JHEP**  
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

## INFOGRAFIK PERSEDIAAN DAN PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI 2025/2026

### Sebelum Lapor Diri

- Melayari laman Sistem Pendaftaran Universiti di pautan <http://smpj.ums.edu.my/edafatar> dan membuat dikemaskini perkara berikut:
  - Perakuan pelajar (Ikrar dan Aku Janji / Peraturan Bendahari)
  - Maklumat peribadi
  - Maklumat ibu dan bapa/penjaga
  - Maklumat kesihatan
  - Maklumat kewangan
  - Pembayaran yuran
  - Muat naik gambar
  - Pengesahan pelajar
- Menyediakan dokumen untuk dibawa sebagai persediaan keperluan permohonan tajaan / pinjaman pengajian dan keperluan fail pelajar seperti berikut:
  - Surat tawaran (2 salinan)
  - Salinan kad pengenalan pelajar, ibu dan bapa / penjaga (4 salinan)
  - Salinan siji kelahiran pelajar, ibu dan bapa / penjaga (4 salinan)
  - Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (4 salinan)
  - Salinan Sijil Berhenti Sekolah (4 salinan)
  - Salinan slip gaji ibu dan bapa
  - Surat pengesahan pekerjaan dan pendapatan ibu / bapa bagi yang tidak mempunyai slip gaji
  - Gambar ukuran paspot (4 salinan)
  - Slip pengesahan pelajar (dicetak dari Sistem Pendaftaran Universiti)
- Membuka akaun RHB untuk penyaluran wang pinjaman PTPN dan pengaktifan kad pelajar.
- Menyediakan keperluan peribadi (pakaian dan keperluan penjagaan diri).
- Memberi maklumbalas keperluan pengangkutan semasa ketibaan pada hari lapor diri (sekiranya perlu).
- Menyediakan hanya 2 beg pakaian sahaja bagi memudahkan pergerakan.
- Membuat tagging beg (saiz A4) yang mengandungi maklumat berikut:
  - Nama pelajar
  - Nama kolej kediaman & No. Bilik
  - Nombor telefon
- Memaparkan kertas warna bersaiz A5 di bahagian depan cermin kenderaan mengikut kod warna berikut:
  - Kolej Kediaman Tun Mustapha: Kuning
  - Kolej Kediaman Tun Fuad: Biru
  - Kolej Kediaman Tun Pengiran Ahmad Raffae: Merah Jambu

### Semasa Lapor Diri

- Bagi pelajar yang SELESAI proses pendaftaran universiti (e-Daftar).
  - Melapor diri di kolej kediaman / tempat pendaftaran pada tarikh dan masa yang ditetapkan mengikut surat tawaran.
  - Membuat web Check In di Kolej Kediaman.
  - Mengambil Pakej Minggu Suai Mesra (MSM).
  - Mengambil kunci bilik di pejabat dewan/blok asrama kolej kediaman.
  - Masuk ke bilik masing-masing.
- Bagi pelajar yang BELUM SELESAI proses pendaftaran universiti (e-Daftar)
  - Melapor diri di kolej kediaman / tempat pendaftaran pada tarikh dan masa yang ditetapkan mengikut surat tawaran.
  - Membuat semakan pemasalahan e-Daftar di kaunter berkaitan (kaunter surat tawaran / kaunter teknikal / kaunter bayaran yuran).
  - Membuat web Check In di Kolej Kediaman.
  - Mengambil Pakej Minggu Suai Mesra (MSM).
  - Mengambil kunci bilik di pejabat / blok asrama kolej kediaman.
  - Masuk ke bilik masing-masing.

**TELEGRAM RASMI PELAJAR BAHARU  
MINGGU SUAI MESRA KALI KE-31 SESI 2025/2026**  
Pautan: <https://t.me/msm31kofficial>  
Kod QR:



### Selepas Lapor Diri

- Mengikuti Minggu Suai Mesra (MSM).
- Membuat / menuntut kad pelajar selepas lapor Minggu Suai Mesra (MSM). Tarikh, masa dan tempat akan dimaklumkan.
- Membuat pengesahan pendaftaran kursus.
- Menghadiri kuliah bagi kursus yang didaftarkan mengikut jadual.
- Menyerahkan satinan dokumen dalam fail pelajar di fakulti masing-masing dalam tempoh 1 bulan dari tarikh lapor diri.
- Melakukan pemeriksaan kesihatan di Pusat Kesihatan Universiti UMS dalam tempoh 3 bulan dari tarikh lapor diri.



**Tarikh Pendaftaran Pelajar Baharu:  
27 - 28 September 2025**  
**Tarikh Minggu Suai Mesra  
Pelajar Baharu Sesi 2025/2026  
29 September - 1 Oktober 2025**

# INFOGRAFIK PERSEDIAAN DAN PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI 2025/2026 (VERSI BAHASA INGGERIS)



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**JHEP**  
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

## PREPARATION AND REGISTRATION PROCESS FOR NEW STUDENTS INTAKE SESSION 2025/2026

### Before Registration

1. Log in to the University Registration System (Sistem Pendaftaran Universiti) at: <https://smp.ums.edu.my/daftar> and update the following details:

- Student declaration (Pledge and My Pledge/ Bursar Rule)
- Personal details
- Parents/guardian's details
- Health details
- Financial details
- Fee payment
- Photo
- Student confirmation

2. Prepare and bring the following documents for sponsorship/ study loan application and Student File:

- Letter of offer (2 copies)
- Copy of student's identity card, parents/guardian's identity card (4 copies)
- Copy of student's birth certificate, parents/guardian's birth certificate (4 copies)
- Copy of Sijil Pelajaran Malaysia (4 copies)
- Copy of School Leaving Certificate (4 copies)
- Copy of parent's salary slip
- Confirmation letter of employment and income for parents without salary slip
- Passport-size photo (8 copies)
- Student confirmation slip printed from the University Registration System (Sistem Pendaftaran Universiti)

3. Open an RHB Bank account for PTPTN loan credit and activation of student card.

4. Prepare daily needs (clothing and personal care items).

5. Notify your residential college/hostel upon arrival on the registration day.

6. Prepare one box only for storage.

7. Prepare and attach an A4-sized white envelope with the following details:

- Student's name
- Identity card no. & room number
- Telephone number

8. Display A5-sized coloured paper on the window front windscreen according to the following colour code:

- Tun Mustapha Residential College: Yellow
- Tun Fuad Residential College: Blue
- Tun Pengiran Ahmad Raffae Residential College: Pink

### During Registration

1. Students who HAVE COMPLETED the university registration process (e-Registration):

- Register at the residential college/registration counter according to the day and time in the letter of offer.
- Complete the web check-in at the residential college.
- Collect the Orientation Week Package (MSM).
- Collect room key at the residential college hall/hostel block.
- Enter assigned room.

2. Students who HAVE NOT COMPLETED the university registration process (e-Registration):

- Register at the residential college/registration counter according to the day and time in the letter of offer.
- Resolve problem with e-Registration at the designated counter (letter of offer counter/technical support/fee payment counter).
- Complete the web check-in at the residential college.
- Collect the Orientation Week Package (MSM).
- Collect room key at the residential college hall/hostel block.
- Enter assigned room.

OFFICIAL TELEGRAM FOR NEW STUDENTS  
FOR THE 31st MINGGU SUAI MESRA  
OF THE 2025/2026 SESSION  
Link: <https://t.me/msm31kkofficial>  
QR Code:



### After Registration

1. Participate in the Orientation Week (MSM).

2. Confirm course registration.

3. Attend lectures for registered courses according to the schedule.

4. Apply/collect student card after Orientation Week (MSM). Date, time and location for collection will be announced later.

5. Activate student card at RHB Bank counter after Orientation Week (MSM). Date, time and location will be announced later.

6. Submit copies of documents in the Student File at the respective faculty within 1 month from the registration date.

7. Undergo medical checkup within 3 months from date of registration.



**New Student Registration:**

**27 - 28 September 2025**

**New Student Orientation Week  
(2025/2026 Session):**

**29 September - 1 October 2025**

# **PERSEDIAAN UNTUK HARI LAPOR DIRI**

# PERSEDIAAN UNTUK HARI LAPOR DIRI

## PENYEDIAAN GAMBAR

- Anda digalakkan menyediakan gambar berukuran pasport (35mm lebar x 50mm panjang) sebagai persediaan membuat permohonan yang berkaitan semasa berada di Universiti.

## KEPERLUAN PERIBADI

1. Persiapan Keperluan peribadi pelajar adalah seperti berikut:
  - Pakaian ke kuliah
  - Pakaian sukan
  - Kelengkapan solat/sejadah
  - Kemeja berlengan panjang berwarna putih dan seluar *slack* berwarna hitam (**Lelaki**)
  - *Blouse* berlengan panjang berwarna putih dan seluar *slack* / skirt panjang berwarna hitam atau baju kurung [baju putih dan skirt hitam] (**Perempuan**)
  - Tudung berwarna hitam (**Perempuan yang bertudung**)
2. Penjualan barang keperluan seperti baldi, bantal, penyapu turut dijual semasa pendaftaran kolej kediaman.
3. Pelajar hanya perlu membawa 2 bagasi dan 1 beg sandang sahaja semasa pendaftaran bagi memudahkan pergerakan. Setiap bagasi perlu disediakan *tagging* beg yang mempunyai maklumat nama pelajar, no. Telefon dan kolej kediaman.

## MAKLUMAT KETIBAAN

3.1 Pelajar yang bercadang untuk memilih pengangkutan yang disediakan oleh Universiti bagi pergerakan semasa pendaftaran adalah dimohon untuk mengisi borang dengan mengimbas Kod QR seperti berikut:



**PENGUMPULAN MAKLUMAT KETIBAAN PELAJAR BAHARU UMS  
SESI 2025/2026 YANG AKAN MENAIKI KAPAL TERBANG DAN BAS  
(TERMINAL INANAM)**



**BERIKUT MERUPAKAN MAKLUMAT NO. KECEMASAN, TEKSI  
DAN HOTEL**

3.2 Pengangkutan akan disediakan oleh pihak UMS bagi lokasi berikut:

**a) UMS Kampus Induk Kota Kinabalu**

- i) Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu ke UMS
- ii) Terminal Bas Inanam ke UMS
- iii) Terminal Feri Jesselton Point ke UMS

**b) UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL)**

- i) Lapangan Terbang W.P. Labuan ke UMSKAL
- ii) Terminal Feri Labuan ke UMSKAL

**c) Fakulti Pertanian Lestari (FPL) Sandakan**

- i) Lapangan Terbang Sandakan ke FPL Sandakan

# **YURAN PENGAJIAN DAN KAEDAH PEMBAYARAN**

# YURAN PENGAJIAN DAN KAEDAH

## PROSES PEMBAYARAN YURAN PENDAFTARAN DAN PENGAJIAN PELAJAR

- Yuran pendaftaran dan pengajian **WAJIB DIJELASKAN** sebelum pelajar membuat proses pendaftaran Universiti melalui e-daftar secara atas talian.
- Universiti Malaysia Sabah mengamalkan Kampus Tanpa Tunai dan Pembayaran **TUNAI** adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- **TIDAK ADA KAUNTER BENDAHARI** pada Hari Pendaftaran bagi tujuan pembayaran Yuran.
- **PEMBAYARAN TANPA TUNAI** sebelum hari Pendaftaran Pelajar boleh dibuat di Kaunter Jabatan Bendahari, Aras 3 Bangunan Canselori semasa hari berkerja seperti ketetapan berikut:
  - Isnin – Khamis : 8.30 pagi – 12.30 tengahari & 2.00 petang – 4.00 petang
  - Jumaat : 8.30 pagi – 11.30 pagi & 2.00 petang – 4.00 petang
- Selain daripada pembayaran di Kaunter, pelajar juga boleh memilih Opsyen Bayaran atas talian dengan pilihan seperti di bawah: -
  - Portal e-payment UMS:** Pembayaran hendaklah dilakukan semasa membuat proses pendaftaran dalam sistem e-daftar. Link pembayaran akan disambungkan terus ke **portal e-payment UMS**.
  - Perkhidmatan Jom Pay (Biller code : 65292)** dengan memasukkan maklumat berikut:
    - Rujukan 1: **No Matrik** (contoh: BA25011111) [jangan masukkan simbol, sengkang, jarak]
    - Rujukan 2: **Tujuan Bayaran** (contoh: Yuran pengajian)

*\*PENTING : Kesilapan memasukkan Rujukan 1 & 2 akan melambatkan proses kemaskini bayaran dalam lejar pelajar.*
  - Bank Islam Malaysia Berhad** melalui:
    - ATM (Automatic Teller Machine) bagi pemegang akaun Bank Islam sahaja di mana-mana cawangan Bank Islam seluruh Malaysia;
    - Kaunter Bank di mana-mana cawangan Bank Islam seluruh Malaysia.
  - iv. Lejer peribadi di dalam Sistem Maklumat Pelajar Bersepadu (SMPB) akan dikemaskini di dalam tempoh 48 jam dari tarikh / masa pembayaran.
- Pelajar / Iubapa adalah dinasihatkan untuk **MENGAMBIL PERHATIAN** berkaitan **TEMPOH KEMASKINI DAN BAYARAN** seperti dinyatakan di perenggan sebelum ini bagi mengelakkan sebarang kekeliruan.
- Bagi bayaran yang dibuat pada hari Jumaat / Cuti Hujung Minggu / Cuti Umum, pengesahan bayaran di dalam tempoh 48 jam hanya dikira bermula pada hari bekerja berikutnya.
- Sila pastikan pelajar menyimpan resit rasmi bayaran yuran yang telah dicetak untuk rujukan masa hadapan.

**BERIKUT ADALAH KADAR YURAN PENGAJIAN BAGI PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA;**

**STRUKTUR YURAN PENGAJIAN PRASISWAZAH MENGIKUT BIDANG PENGAJIAN**

Yuran		Bidang Sains dan Teknologi Maklumat (RM)	Bidang Sastera (RM)	Bidang Kejuruteraan (RM)	Bidang Perubatan (RM)	Bidang Kejururawatan (RM)
▪ Bayaran Sekali Sepanjang Tempoh Pengajian (Pendaftaran Kemasukan)	Yuran Pendaftaran Pelajar Baharu	<b>780.00</b>	<b>755.00</b>	<b>840.00</b>	<b>780.00</b>	<b>780.00</b>
▪ Bayaran Setiap Semester - 18 minggu/semester (2 Semester Setahun)	Yuran Pengajian Per Semester	960.00	865.00	1,040.00	1,240.00	960.00
	Yuran Asrama	665.00	665.00	665.00	665.00	665.00
	Yuran Akreditasi	-	-	50.00	-	-
	Yuran Fasiliti KKM	-	-	-	-	200.00
<b>Jumlah</b>		<b>1,625.00</b>	<b>1,530.00</b>	<b>1,755.00</b>	<b>1,905.00</b>	<b>1825.00</b>
▪ Bayaran Setiap Permulaan Sesi (Tahunan)	Yuran Insuran Kelompok	25.00	25.00	25.00	25.00	25.00
	Yuran Keahlian Persatuan Mahasiswa	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00
	Baju Seragam	-	-	-	-	300.00
<b>Jumlah</b>		<b>30.00</b>	<b>30.00</b>	<b>30.00</b>	<b>30.00</b>	<b>330.00</b>
<b>Jumlah Keseluruhan Yuran (Pelajar Baharu)</b>		<b>2,435.00</b>	<b>2,315.00</b>	<b>2,625.00</b>	<b>2,715.00</b>	<b>2,935.00</b>

**BIASISWA / PINJAMAN/ TAJAAN LAIN**


- Pelajar yang telah mendapat tawaran biasiswa / pinjaman/ tajaan selain PTPTN, **DIWAJIBKAN** untuk mengemukakan surat tawaran biasiswa / pinjaman/ tajaan tersebut secara email kepada Jabatan Bendahari Universiti Malaysia Sabah di **bkpums@ums.edu.my**
- Pelajar **WAJIB MEMASTIKAN MAKLUMAT PENAJA DIKEMASKINI** di dalam Sistem Maklumat Pelajar Bersepadu (SMPB) untuk mengelakkan sebarang kesulitan masa hadapan.

### **AKAUN SIMPANAN i-PRO RHB BANK**

- Pembukaan akaun simpanan i-Pro RHB Bank adalah **PERCUMA**.
- Semua pelajar adalah **WAJIB** membuka akaun simpanan i-Pro RHB Bank di RHB Bank bagi urusan proses kewangan di Universiti Malaysia Sabah.

*\*Sila rujuk **LAMPIRAN RHB** bagi **Langkah-Langkah Pembukaan Akaun Simpanan i-Pro RHB**.*

- Penyaluran wang pembiayaan PTPTN akan disalurkan melalui akaun simpanan i-Pro RHB Bank.
- Pelajar **WAJIB** mengemaskini maklumat akaun bank **atas nama pelajar** dalam e-daftar dengan menyatakan **NOMBOR AKAUN** dan **NAMA BANK** bagi memudahkan sebarang urusan proses berkaitan kewangan sepanjang pelajar berada di Universiti Malaysia Sabah.



# Buka Kunci Masa Depan Anda dengan Akaun Simpanan-i RHB Pro!



Imbas untuk memuat turun aplikasi "RHB Mobile Banking"

## 2 kaedah mudah untuk membuka Akaun Simpanan-i RHB Pro:

Pilihan 1

Disyorkan

### Pembukaan akaun secara atas talian

(Untuk pelajar berumur 18 tahun dan ke atas)

1. Muat turun aplikasi "RHB Mobile Banking" dan imbas kod QR untuk memulakan.

*Jika tidak dapat mengimbas kod QR, sila klik pautan di bawah:*  
<https://onlinebanking.rhbaroup.com/my/open-in-app?mohe>



2. Isi butiran dan ikuti arahan di skrin untuk menghantar permohonan anda.

*Deposit sekurang-kurangnya RM10 diperlukan untuk pengesahan dan pengaktifan akaun secara atas talian.*

3. Semak emel yang anda daftarkan untuk menerima "Welcome Email" daripada RHB dan butiran akaun anda.

*Jika anda memohon pinjaman PTPTN, anda boleh menggunakan nombor akaun yang tertera di emel tersebut.*

4. Dapatkan Kad Debit-i RHB MySiswa setelah pihak universiti memaklumkan kepada anda.

5. Aktifkan Kad Debit-i RHB MySiswa anda dengan membawa kad dan MyKad ke kaunter RHB di universiti anda. Anda boleh menggunakan kad untuk transaksi perbankan selepas pengaktifan.

Untuk panduan, imbas Kod QR di sebelah kanan atau pergi ke pautan di bawah:

<https://www.rhbaroup.com/-/media/Assets/Corporate-Website/Document/Personal/Joy-at-Uni/FAQ-MOHE-Online-Account-Opening.pdf>



Pilihan 2

### Pembukaan akaun di Cawangan RHB

1. Jadualkan temujanji di cawangan RHB dengan mengimbas kod QR untuk mengelakkan anda perlu beratur panjang.

*Jika tidak dapat mengimbas kod QR, sila klik pautan di bawah:*  
<https://www.rhbaroup.com/BranchAppointment>



2. Kunjungi cawangan RHB pilihan anda dengan membawa dokumen berikut:

• **Jika anda berumur bawah 18 tahun:** Bawa Sijil Kelahiran Asal, MyKad Asal, dan Surat Tawaran Universiti. Anda mesti ditemani ibu bapa atau penjaga.

*Jika ditemani penjaga, bawa bukti hubungan seperti surat penjaga.*

• **Jika anda berumur 18 tahun dan ke atas:** Bawa MyKad/MyTentera Asal dan Surat Tawaran Universiti.

• **Jika anda bukan warganegara Malaysia:** Bawa Pasport Asal, Surat Tawaran Universiti, dan Visa Pelajar yang sah.

3. Semak emel yang anda daftarkan untuk menerima "Welcome Email" daripada RHB dan butiran akaun anda.

*Jika anda memohon pinjaman PTPTN, anda boleh menggunakan nombor akaun yang tertera di emel tersebut.*

4. Dapatkan Kad Debit-i RHB MySiswa setelah pihak universiti memaklumkan kepada anda.

5. Aktifkan Kad Debit-i RHB MySiswa anda dengan membawa kad dan MyKad ke kaunter RHB di universiti anda. Anda boleh menggunakan kad untuk transaksi perbankan selepas pengaktifan.

### Important!



**Mandatori:** Buka Akaun Simpanan-i RHB Pro sebelum mendaftar ke universiti. Rujuk pihak universiti untuk maklumat lanjut.



**Manfaat:** Nikmati diskaun dan keistimewaan selepas akaun dan Kad Debit-i RHB MySiswa anda diaktifkan. Lihat maklumat lanjut di [RHBJoy@Uni](mailto:RHBJoy@Uni).



**Pemegang Passport/MyPR:** Buka akaun anda secara dalam talian dan kunjungi mana-mana cawangan RHB dalam masa 30 hari untuk mengaktifkannya.



**Pinjaman PTPTN:** Jika anda memohon pinjaman PTPTN, dana akan dikreditkan ke dalam akaun ini.



**Kad Debit-i RHB MySiswa:** Kad ini berfungsi sebagai kad debit dan kad pelajar. Anda akan menerima kad ini daripada universiti dan perlu mengaktifkannya untuk menggunakannya. Bagi pelajar antarabangsa, anda perlu mengaktifkan kad di cawangan RHB berhampiran.



# Unlock your future with RHB Pro Savings Account-i today!



Scan to download the RHB Mobile Banking app.

## Two easy ways to open an RHB Pro Savings Account-i:

Option 1

### Open an account online (For students 18 years old and above)

Recommended

1. Download the RHB Mobile Banking App and scan the QR Code to start.



If you can't scan the QR Code, go to link below:  
<https://onlinebanking.rhbgroup.com/my/open-in-app?mohe>

2. Fill in the details and follow instructions on screen to submit your application.

*A deposit of at least RM10 is required for online account verification and activation.*

3. Check the email you've registered with your application to receive Welcome Email from RHB and your account details.

*If you're applying for PTPTN loan, you may use the account number in the email.*

4. Collect your RHB MySiswa Debit Card-i once your university notifies you.

5. Activate your RHB MySiswa Debit Card-i by bringing the card and MyKad to RHB counters allocated at your university. After activation, you can use your card for transactions.

Scan QR Code on right for the step-by-step guide or go to link below:

<https://www.rhbgroup.com/-/media/Assets/Corporate-Website/Document/Personal/Joy-at-Uni/FAQ-MOHE-Online-Account-Opening.pdf>



Option 2

### Open an account at any RHB branch

1. Schedule an appointment to visit any RHB branch by scanning the QR Code to avoid long queues.



If you can't scan the QR Code, go to link below:  
<https://www.rhbgroup.com/BranchAppointment>

2. Visit your preferred RHB Branch with the items below:

- **If you're below 18 years old:** Your Birth Certificate, MyKad and University Offer Letter. You must be accompanied by parents/guardian.

*If you're accompanied by a guardian, please bring proof of relationship such as legal guardian letter.*

- **If you're 18 years old and above:** Your MyKad/MyTentera and University Offer Letter.

- **If you're a non-Malaysian student:** Your Passport, University Offer Letter and valid Student Visa.

3. Check the email you've registered with your application to receive Welcome Email from RHB and your account details.

*If you're applying for a PTPTN loan, you may use the account number in the email.*

4. Collect your RHB MySiswa Debit Card-i once your university notifies you.

5. Activate your RHB MySiswa Debit Card-i by bringing the card and MyKad to RHB counters allocated at your university. After activation, you can use your card for transactions.

### Important!



**Mandatory:** Open an RHB Pro Savings Account-i before university registration. Refer to your university for more details.



**Benefits:** Enjoy discounts and perks once your account and MySiswa Debit Card-i are activated. More details at [RHB.Joy@Uni](mailto:RHB.Joy@Uni).



**Passport/MyPR Holders:** Open your account online and visit any RHB branch within 30 days to activate it.



**PTPTN Loan:** If you're applying for a PTPTN loan, the fund will be credited into this account.



**RHB MySiswa Debit Card-i:** This card functions as both your debit card and student ID. You'll receive it from your university and must activate it to use it. For foreign students, you'll need to activate your card at nearest RHB branch.

# KAEDAH PEMBAYARAN YURAN PELAJAR

## 1 PORTAL e-PAYMENT UMS

Bayaran melalui :



- <https://smp.ums.edu.my/edaftar> (Pelajar Baharu)
- <https://epayment.ums.edu.my/> (Pelajar Semasa)

## 2 JOMPAY

Log masuk ke internet atau perbankan mudah alih bank anda.

**BILLER CODE : 65292**

**Ref-1 : No. Matriks Pelajar (tanpa jarak)**

**Ref-2 : Tujuan Bayaran**



## 3 BIL PRESENTMENT

1. Membayar di kaunter Bank Islam.
2. Membayar melalui Mesin 'Auto-Teller' (ATM) dan Online Bank (Pegguna BIMB sahaja).
3. Cash Deposit Machine (CDM) Mesin ATM BIMB (pelajar tidak perlu ada akaun).

SCAN QR



## 4 KAUNTER

Cek Atas Nama - **UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**Masa Urusniaga**

Isnin-Khamis : 8.30 pagi - 12.30 tghari dan  
2.00 ptg - 4.00 ptg

Jumaat : 8.30 pagi - 11.00 pagi dan  
2.00 ptg - 4.00 ptg

Sabtu, Ahad dan Cuti Umum : Tutup



**Pembayaran boleh dibuat menggunakan kad kredit atau kad debit.**

Sila emelkan resit pembayaran serta butiran seperti nama, no.matriks dan tujuan bayaran kepada :



**bkpums@ums.edu.my (Prasiswazah)**

**kewpasca@ums.edu.my (Pascasiswazah)**

## METHOD OF PAYMENT

### 1 PORTAL e-PAYMENT UMS

Payment via



- <https://smp.ums.edu.my/edaftar> (New Student)
- <https://epayment.ums.edu.my/> (Current Student)

### 2 JOMPAY

Log in to your Internet and Mobile Banking and look for JomPAY

**BILLER CODE : 65292**

**Ref-1 : Student Matric No. (without space)**

**Ref-2 : Payment details**



### 3 BIL PRESENTMENT

1. Payment of Bank Islam counter.
2. Payment via 'Auto-Teller' Machine (ATM) or Internet Online Banking (BIMB user only).
3. Cash Deposit Machine (CDM) or BIMB ATM Machine (Account not required for students).

SCAN QR



### 4 COUNTER


Cheque Payee - **UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**Office hour**

Monday - Thursday : 8.30 am - 12.30 pm and  
2.00 pm - 4.00 pm

Friday : 8.30 am - 11.00 am and  
2.00 pm - 4.00 pm

Saturday, Sunday & Public holiday : Close



**Payment can be made through credit card or debit card.**

Please email the payment receipt and details such as name, matrics no. and payment to :



**bkpums@ums.edu.my (Undergraduate)**

**kewpasca@ums.edu.my (Postgraduate)**

# METHOD OF PAYMENT FOR INTERNATIONAL STUDENT

**1**Payment via <https://epayment.ums.edu.my>**2**

## Telegraphic Transfer **Maybank**

Please remit your payment into the following bank account :

Beneficiary : Universiti Malaysia Sabah  
Address : Universiti Malaysia Sabah  
Aras 3, Blok Utara, Bangunan Canselori,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.  
E-mail : bkpums@ums.edu.my  
terimaan@ums.edu.my  
Fax No: 088-320057  
Account Bank No: **510013022413**  
Swift Code: **MBBEMYKLXXX**  
Bank Name: Malayan Banking Berhad

**Note : Payment Should be in Ringgit Malaysia (RM)**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**BAHAGIAN KEWANGAN PELAJAR  
JABATAN BENDAHARI**



**WAKTU OPERASI HOTLINE**

**9.00 pagi hingga 4.00 petang**

**Kecuali Sabtu, Ahad dan Cuti Umum**

Platform	Prasiswazah	Pascasiswazah
<b>Talian Hotline</b> 	<b>088 - 320 057</b>	<b>088 - 320 056</b>
<b>Emel</b> 	<b>bkpums@ums.edu.my</b>	<b>kewpasca@ums.edu.my</b>
<b>Facebook</b> 	<b>Bahagian Kewangan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah.</b>	

**Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan / permasalahan / aduan, sila hubungi kami menerusi platform-platform rasmi di atas.**



Teras Berprestasi ke Arah  
**UNIVERSITI INDUSTRI 4.0**

**UMS KAMPUS RAHMAH**  
TERAS KECEMERLANGAN DAN KEUNGGULAN



[www.ums.edu/bendahari](http://www.ums.edu/bendahari)



Laman Rasmi Jabatan Bendahari  
**UMS**

# MINGGU SUAI MESRA

# MINGGU SUAI MESRA

## MINGGU SUAI MESRA (MSM)

- Minggu Suai Mesra (MSM) adalah program khusus kepada pelajar baharu untuk memberi pendedahan kepada kehidupan kampus yang lebih menyeluruh di samping taklimat-taklimat dan pengisian penting berkaitan hal ehwal pelajar dan akademik. Ia bertujuan agar pelajar mengenali Universiti Malaysia Sabah dengan lebih dekat serta mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar dan kakitangan.
- Pelajar baharu **diwajibkan** mengikuti semua program sepanjang MSM seperti yang telah dijadualkan bermula pada tarikh lapor diri. Sebarang urusan peribadi seperti mengurus cuti belajar atau perletakan jawatan perlu dilakukan sebelum atau selepas MSM.
- Sepanjang MSM, pelajar dikehendaki memakai pakaian yang bersesuaian mengikut aktiviti yang dijadualkan (rujuk Kod Etika Pakaian Pelajar)

# SAHSIAH RUPA DIRI



# SAHSIAH RUPA DIRI

## SAHSIAH RUPA DIRI SEPANJANG SESI PENGAJIAN

- Pelajar hendaklah memakai pakaian formal yang kemas, bersih, menutup aurat dan sopan yang melambangkan keperibadian dan imej sebagai mahasiswa/i Universiti.
- Pelajar dilarang **BERPAKAIAN TIDAK SOPAN** dan **MENJOLOK MATA** seperti berikut;
  - Berselipar
  - Berskirt atau berseluar pendek di atas paras lutut
  - Berbaju T tanpa kolar
  - Berbaju tanpa lengan
  - Berseluar terlalu ketat
  - Berpakaian terlalu nipis/ jarang (*transparent*)

*\*\*Kod Etika Berpakaian Pelajar UMS boleh dirujuk dalam buku panduan ini.*

## KAD PELAJAR

- Pelajar baharu diwajibkan untuk memuat naik gambar berukuran pasport dalam sistem e-daftar untuk penyediaan cetakan kad pelajar.
- Pemakaian kad pelajar adalah wajib untuk pengenalan diri pelajar ketika berada di kampus.



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**JHEP**  
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

**KOD ETIKA PAKAIAN PELAJAR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**PAKAIAN FORMAL**  
(MAJLIS RASMI, MESYUARAT, URUSAN RASMI & LAWATAN DALAM / LUAR NEGARA)



Baju Kurung (Jumaat)    Baju Batik (Khamis)    Baju Korporat & Unit Beruniform (Rabu)    Baju Formal (Isnin & Selasa)



Baju Formal (Isnin & Selasa)    Baju Korporat & Unit Beruniform (Rabu)    Baju Batik (Khamis)    Baju Kebangsaan (Jumaat)

Wanita

Lelaki

- Kemeja lengan panjang / pendek dan bertali leher
- Seluar panjang
- Pakaian Kebangsaan Bersongkok
- Sarung kaki dan kasut pejabat
- Kad pelajar

**PAKAIAN SEPARA FORMAL**

(SETIAP RABU)

Dewan Kuliah, Bilik Tutorial, Perpustakaan, Kafeteria dan Bangunan Pentadbiran



- T-Shirt berkolar
- Seluar panjang
- Kemeja lengan panjang / pendek
- Sarung kaki dan kasut
- Skirt labuh
- Baju Kurung / Pakaian Kebangsaan
- Blaus sopan dan kemas
- Kad Pelajar



**PAKAIAN SUKAN**

(AKTIVITI BERSEBUAIAN)

Bersesuaian ketika berada di kawasan gelanggang / dewan sukan / bilik gimnasium dan aktiviti sukan

- T-Shirt berkolar
- Seluar track bottom
- Kasut sukan



**PAKAIAN & PENAMPILAN  
TIDAK DIBENARKAN**

- Pakaian tidak sopan
- Skirt pendek atau seluar pendek
- T-Shirt tanpa lengan
- Bertindik / memakai subang
- Mewarnakan rambut
- Memakai purdah
- Bersellpar
- Bertatu
- Memakai bendana kecuali aktiviti rekreasi

# **KOLEJ KEDIAMAN DAN KEMUDAHAN LAIN**

# KOLEJ KEDIAMAN DAN KEMUDAHAN LAIN

## KOLEJ KEDIAMAN

- Kolej Kediaman adalah Pusat kecemerlangan lanjutan dan pelengkap kepada sistem pendidikan Universiti dalam melahirkan graduan berteraskan semangat integrasi nasional dalam memelihara kesejahteraan dan keharmonian.
- Kolej Kediaman merupakan satu **KEMUDAHAN BUKANNYA HAK** seseorang pelajar.

### 1. Senarai Kolej-Kolej Kediaman & Nombor Perhubungan;

BIL	KOLEJ KEDIAMAN	NO. TELEFON/FAKSIMILI	E-MEL
1.	Kolej Kediaman Tun Mustapha	088-320000 samb. 205504	<a href="mailto:pejabatkktm@ums.edu.my">pejabatkktm@ums.edu.my</a>
2.	Kolej Kediaman Tun Fuad	088-320000 samb. 205503	<a href="mailto:kktf@ums.edu.my">kktf@ums.edu.my</a>
3.	Kolej Kediaman Tun Pengiran Ahmad Raffae	088-448201 (talian terus) 0888-320000 samb. 205505 Faks: 088-448203	<a href="mailto:kktpar@ums.edu.my">kktpar@ums.edu.my</a>
4.	Kolej Kediaman Luar Kolej Kediaman USIA - 1Borneo	088-320000 samb. 205507	<a href="mailto:kk1b@ums.edu.my">kk1b@ums.edu.my</a>
	Kolej Kediaman Kingfisher	088-320000 samb. 205506 088-393966 (Talian terus)	<a href="mailto:kkakf@ums.edu.my">kkakf@ums.edu.my</a>
5.	Kolej Kediaman Lestari, Fakulti Pertanian Lestari, Kampus Sandakan	089-634000 samb. 103318	<a href="mailto:kkls@ums.edu.my">kkls@ums.edu.my</a>
6.	Kolej Kediaman Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL)	Tel: 087-503000 samb. 433000 Faks: 087-503111	<a href="mailto:spphkal@ums.edu.my">spphkal@ums.edu.my</a>

## KEMUDAHAN FASILITI LAIN

- Kemudahan kafeteria disediakan bagi keperluan pelajar di kolej kediaman dalam kampus Induk Kota Kinabalu, Labuan dan Sandakan. Manakala kemudahan mesin "vending" air minuman di sediakan di semua kolej kediaman termasuk kolej kediaman luar kampus USIA-1B dan Kingfisher.

## PENGANGKUTAN BAS

- UMS menyediakan kemudahan pengangkutan bas untuk memudahkan pelajar pergi dan balik ke Fakulti/Pusat masing-masing yang beroperasi pada waktu kuliah mulai jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam. Kemudahan ini disediakan dari kawasan asrama ke fakulti, perpustakaan dan juga kawasan berhampiran seperti Zon 1Borneo dan Taman Kingfisher. Pelajar dikehendaki menunjukkan kad pelajar semasa kad pelajar semasa menaiki bas.

## PUSAT KESIHATAN

- Pelajar boleh mendapatkan rawatan di fasiliti Pusat Kesihatan Universiti yang terdekat seperti berikut;

FASILITI	LOKASI	PERKHIDMATAN	WAKTU OPERASI	NOMBOR TELEFON
<b>Pusat Rawatan Warga UMS</b>	Jalan Kompleks Sukan UMS, Universiti Malaysia Sabah, 88450 Kota Kinabalu,	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rawatan Pesakit Luar</li> <li>• Rawatan Kecemasan</li> <li>• Rawatan Klinik Pakar</li> </ul>	8am-10pm (Isnin hingga Ahad)	088-329054
<b>Poliklinik UMS</b>	Poliklinik UMS, Lot 45, 46 & 47, Ground Floor, Block F, Riverside Plaza, Kingfisher Park, 88450 KotaKinabalu, Sabah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rawatan Pesakit Luar</li> <li>• Rawatan Klinik Pakar</li> </ul>	24 Jam (Isnin hingga Ahad)	088-329049 088-320830
<b>Pusat Dialisis UMS-YKN</b>	No 28-0 & 30-0, Blok E Lorong Plaza Kingsher 5 Plaza Kingfisher	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rawatan Dialisis</li> </ul>	7am-9pm (Isnin hingga Sabtu) Tutup: Ahad	088-431592/ 088-395998
<b>Klinik Rawatan Warga UMS KAL</b>	UMS Kampus Antarabangsa Labuan, Jalan Sungai Pagar, 87000 W.P. Labuan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rawatan Pesakit Luar</li> </ul>	8am-5pm (Isnin hingga Jumaat) Tutup: Sabtu, Ahad dan cuti umum	087-503019
<b>Klinik Rawatan Warga UMS FPL</b>	Kampus UMS Sandakan, 90000 Sandakan, Sabah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rawatan Pesakit Luar</li> </ul>	8am-5pm (Isnin hingga Jumaat) Tutup: Sabtu, Ahad dan cuti umum	089-634010
<b>Klinik Masyarakat UMS Kudat</b>	Jalan S.M. Teknik, 89050 Kudat, Sabah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rawatan Pesakit Luar</li> </ul>	8am-5pm (Isnin hingga Jumaat) Tutup: Sabtu, Ahad dan cuti umum	088-612 460 / 449
<b>Klinik Pergigian Alawa</b>	Pusat Rawatan Warga, Jalan Kompleks Sukan UMS, Universiti Malaysia Sabah, 88450 Kota Kinabalu,	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rawatan Pergigian</li> </ul>	<b>WALK-IN :</b> <u>Isnin - Khamis</u> : 8:00 Am - 11:00 am <u>Jumaat</u> : 8.00 am-10:00 am  <b>TEMUJANJI :</b> <u>Isnin - Khamis</u> Pagi : 11:00 am-12:15 pm Petang : 2.00-4.30 pm <u>Jumaat</u> : 10.00-11.15 am Tutup: Sabtu, Ahad dan cuti umum	088-329206

- Pelajar boleh meminjam peralatan perubatan asas sekiranya diperlukan. Hubungi PKU terdekat bagi membuat tempahan.
- Sebarang info lanjut, pelajar boleh melayari sesawang : [hums.ums.edu.my](http://hums.ums.edu.my)

## MEMBUAT PEMERIKSAAN KESIHATAN

- Semua pelajar **DIWAJIBKAN** menjalani pemeriksaan kesihatan di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) atas tanggungan sendiri. Pihak PKU akan menghubungi **pelajar selepas hari pendaftaran di UMS** bagi tujuan pemberian tarikh temu janji pemeriksaan kesihatan tersebut. Pemeriksaan ini hendaklah diselesaikan dalam **tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh melapor diri**.

Caj pemeriksaan adalah seperti berikut:

BIL	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
1	Pelajar Jurusan Perubatan	118.00
2	Pelajar Jurusan Kejururawatan	
	- Pelajar lelaki	118.00
	- Pelajar perempuan	128.00
3	Pelajar Jurusan Lain	30.00 (tambahan RM20 sekiranya perlu ujian X-ray)

- **Nota Penting:**

Pelajar daripada jurusan Perubatan dan Kejururawatan dikecualikan daripada menjalani pemeriksaan kesihatan selepas pendaftaran. Sebaliknya, pelajar daripada jurusan ini dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum tarikh pendaftaran, dan digalakkan untuk dilaksanakan di Pusat Kesihatan Universiti.

- **Kaedah Pembayaran:**

Pembayaran boleh dilakukan menggunakan:

- Kad Kredit / Debit

- Aplikasi Maybank QR Pay, Boost, AliPay, atau JomPay

Pembayaran hendaklah dibuat pada hari pemeriksaan kesihatan dijalankan.

- **Perhatian Khas:**

Bagi kes-kes khas yang memerlukan perhatian segera seperti:

Penyimpanan ubat-ubatan khas

Rawatan susulan

Keperluan perubatan khusus.

*\*\*Pelajar boleh terus menghubungi fasiliti Pusat Kesihatan Universiti yang terdekat selepas melapor diri tanpa perlu menunggu tarikh temu janji.*

## PERPUSTAKAAN

- Kumulatif bahan di Perpustakaan UMS ialah sebanyak 612,134 naskhah buku dan media, 19 judul jurnal elektronik, 13 pangkalan data elektronik dan 23,043 koleksi UMSIR yang boleh diakses secara dalam talian

## KOLEKSI ERPUSTAKAAN

- Koleksi Perpustakaan terdiri daripada pelbagai bidang dan format. Ianya boleh dipinjam / dirujuk dan tertakluk kepada Garis Panduan Peminjaman Bahan Perpustakaan.
- **KOLEKSI AM** adalah monograf bercetak yang boleh dipinjam dan tertakluk kepada kelayakan.
- **KOLEKSI RUJUKAN** adalah sumber rujukan sekunder seperti kamus, ensiklopedia, peta/atlas, tesaurus, buku panduan, almanak, buku tahunan, direktori, bibliografi, indeks, abstrak, biografi dan gazetir. Penggunaan koleksi ini hanyalah untuk rujukan dalam perpustakaan sahaja.
- **KOLEKSI TANDA MERAH** adalah rujukan asas pelajar yang dicadangkan oleh pensyarah.
- **KOLEKSI TERBITAN BERSIRI** adalah Koleksi terbitan berkala yang boleh dipinjam dan/atau dirujuk.
- **KOLEKSI MULTIMEDIA** adalah koleksi audio visual, akses kepada koleksi adalah mengikut permohonan dan boleh dipinjam.
- **KOLEKSI PENYELIDIKAN** adalah bahan hasil penyelidikan ahli akademik dan bukan akademik Universiti serta latihan ilmiah, tesis pelajar dan kakitangan Universiti.
- **KOLEKSI RUJUKAN TERHAD** adalah bahan seperti nota pensyarah dan kertas soalan peperiksaan.
- **KOLEKSI ASEANA** adalah bahan dalam pelbagai bidang mengenai negara-negara ASEAN.
- **KOLEKSI NOBEL LAUREATE** adalah koleksi pemenang Nobel Laureate dalam bidang Kimia, Ekonomi, Kesusasteraan, Perubatan, Fizik dan Keamanan.
  - **KOLEKSI PERDANA** adalah bahan mengenai sejarah kerajaan, idea dan pemikiran Perdana Menteri Malaysia.
- **KOLEKSI REPOSITORY UMS** adalah bahan penulisan Universiti Malaysia Sabah. Koleksi ini boleh diakses secara dalam talian di url <http://eprints.ums.edu.my/>
- **KOLEKSI KANAK-KANAK** adalah bahan fiksiyen dan bukan fiksiyen sesuai untuk kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah. (*pelanggan adalah tertakluk kepada peraturan am perpustakaan*)
- **PANGKALAN DATA** boleh diakses melalui laman web Perpustakaan UMS. Pelanggan perlu menggunakan akaun email id @ums.edu.my di url <https://library.ums.edu.my/index.php/en/collection-new/e-resources-new#databases>
- **BUKU ELEKTRONIK** boleh diakses melalui laman web Perpustakaan UMS. Pelanggan perlu menggunakan email id @ums.edu.my di url <https://library.ums.edu.my/index.php/en/collection-new/e-resources-new#ebooks>
- **JURNAL ELEKTRONIK** boleh diakses di laman web Perpustakaan UMS. Pelanggan perlu menggunakan akaun email id @ums.edu.my di url <https://library.ums.edu.my/index.php/en/collection-new/e-resources-new#ejournal>

## PERKHIDMATAN

- **PEMINJAMAN** bahan kepada semua Ahli. Pinjaman boleh dilakukan di Kaunter Sirkulasi.
  - a. Kelayakan Pinjaman

KATEGORI AHLI	KOLEKSI				
	AM	TERBITAN BERSIRI	MULTIMEDIA	KHAS	TANDA MERAH
<b>Akademik</b>	30 bahan 90 hari	Jurnal Terkini (Dua (2) jam sahaja) <i>(rujukan dalam perpustakaan)</i>  <i>(Jurnal Berjilid boleh dipinjam selama 3 hari dan terhad kepada dua (2) bahan sahaja)</i>	14 hari	Rujukan Sahaja	7 hari
<b>Pengurusan Profesional</b>	25 bahan 90 hari	<i>(Jurnal Berjilid boleh dipinjam selama 3 hari dan terhad kepada dua (2) bahan sahaja)</i>			
<b>Kakitangan Sokongan</b>	10 bahan 30 hari				
<b>Pasca Siswazah</b>	30 bahan 30 hari				
<b>Pra Siswazah</b>	20 bahan 14 hari				
<b>Diploma / Sijil/ Matrikulasi</b>	5 bahan 14 hari				
<b>Ahli Luar</b>	2 bahan 30 hari	<i>Jurnal Terkini (5 bahan) untuk 2 jam dan rujukan dalaman sahaja</i>	2 bahan 2 hari	Rujukan Sahaja	Rujukan Sahaja

- **PEMULANGAN** bahan (return) hendaklah dilaksanakan **pada atau sebelum tarikh tamat tempoh pinjaman**. Pelanggan boleh memulangkan bahan di Kaunter Sirkulasi atau di Peti Pemulangan Buku pada bila-bila masa **sebelum tamat tempoh pinjaman**. Hanya buku sahaja yang boleh dipulangkan dengan menggunakan perkhidmatan Peti Pemulangan.
- **TEMPAHAN BAHAN** dalam pinjaman pelanggan lain boleh dibuat secara dalam talian.
- **PEMBAHARUAN PINJAMAN BAHAN** pelanggan boleh membuat pembaharuan bahan jika secara dalam talian dan terhad kepada 3 kali sahaja, iaitu sebelum tamat tempoh peminjaman dan jika bahan tersebut tidak ditempah oleh pelanggan lain.

- **PEMBAYARAN DENDA** pelanggan yang dikenakan denda boleh membuat pembayaran melalui aplikasi *Boost (eWallet)* atau di Kaunter Sirkulasi mengikut waktu operasi perkhidmatan perpustakaan.
- **PANGGILAN BALIK (RECALL)** Perpustakaan boleh (jika perlu) memanggil semula bahan yang berada dalam pinjaman pelanggan.
- **BOOK LOAN SERVICE: REQUEST, COLLECT AND GO** perkhidmatan baharu yang memudahkan pelanggan membuat pinjaman bahan secara dalam talian.

### PERKHIDMATAN SOKONGAN

- **Khidmat Rujukan** pelanggan yang memerlukan khidmat nasihat atau konsultasi berkaitan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan boleh membuat temujanji dengan Pustakawan.
- **Kelas Literasi Maklumat** adalah perkhidmatan pendidikan pelanggan yang disediakan untuk membantu meningkatkan kemahiran pencarian maklumat / sumber perpustakaan.

Jadual latihan adalah seperti di bawah:

MODUL	MASA
Modul 1: Bahan Rujukan Asas Perpustakaan	Sesi Pagi: 9.00 – 11.00 am Sesi Petang : 2.30 – 4.30 pm
Modul 2: Katalog Dalam Talian (OPAC)	
Modul 3: Pangkalan Data Elektronik	
Modul 4: Reference Tools Management: Mendeley	
Modul 5: Turnitin Pencegahan Plagiarisme	

*\*\*Sekiranya pelanggan memerlukan latihan diluar jadual sila berurusan di Bilik Khidmat Rujukan*

- **Promosi perpustakaan** dilaksanakan dari masa ke semasa mengenai perkhidmatan dan kemudahan.
- **Taklimat Perpustakaan** disediakan kepada ahli/pelajar baharu.
- **Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP)** disediakan kepada semua ahli sekiranya bahan atau dokumen tersebut tidak terdapat dalam koleksi Perpustakaan.

JENIS BAHAN	HAD PERMOHONAN	TEMPOH PINJAMAN
Buku	5 buah (tertakluk kepada baki pinjaman)	14 hari
Artikel	5 artikel	-

- **WiFi perkhidmatan** wifi boleh dicapai menggunakan id dan kata laluan yang ditetapkan oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK).
- **Penggunaan Perpustakaan Luar** kakitangan dan pelajar UMS yang ingin merujuk bahan di Perpustakaan IPTA/IPTS (Ahli PERPUN) di Malaysia hanya perlu membawa kad pelajar/pekerja sebagai pengesahan.
- **Sistem Maklumat Perpustakaan** pelanggan boleh mengakses maklumat koleksi Perpustakaan dengan mudah dan cepat melalui WebOPAC di url <http://www.ums.edu.my/library>.
- **Laman Web** disediakan untuk mengakses maklumat yang diperlukan dengan mudah, cepat dan berkesan melalui url <http://www.ums.edu.my/library>
- **Keahlian Luar** Perpustakaan menawarkan perkhidmatan keahlian luar kepada komuniti luar.

## KEMUDAHAN

- Perpustakaan menyediakan ruang dan kemudahan kepada semua pelanggan. Tempahan penggunaan bilik / ruang adalah melalui *Library Room Booking Service (LRBS)* di pautan laman web rasmi perpustakaan atau di url: <https://lrbs.ums.edu.my> ATAU, terus ke Kaunter Sirkulasi untuk membuat tempahan.

### 1. Perpustakaan Induk

- Auditorium Mat Salleh
- Bilik Tayangan Sagunting
- Bilik Kolaborasi Antanom
- Bilik Kolaborasi Babalayong
- Bilik Kolaborasi Tahang
- Bilik Kolaborasi Dato Setia Bakti
- Bilik Kolaborasi Raja Laut
- Bilik Kolaborasi Monsopiad
- Bilik 24 jam Kandurong
- Smart Classroom
- Bilik-bilik Kubikal Gunsanad
- Bilik Penyelidikan Pasca Siswazah
- Surau
- Fotokopi
- Percetakan
- Wayarles
- Kafe
- Kedai Serbaneka

### 2. Perpustakaan UMS Kampus Antarabangsa Labuan

- Bilik Latihan (Victoria)
- Bilik Perbincangan (Maida, Labohan, Chimney)
- Sudut PPZ AZKA Corner
- Wayarles
- *Smart Space* UMS

### 3. Perpustakaan Perubatan dan Hospital

- Bilik Perbincangan (Cereblum, Hypothalamus, Medula, Cranium)
- Wayarles

### 4. Perpustakaan UMS Kampus Sandakan

- Bilik 24 jam
- Surau
- Bilik Komputer (Terra Rossa)
- Bilik Koleksi Kanak-Kanak
- Bilik Multimedia dan Koleksi Thesis (Asoka)
- Bilik Perbincangan Black Rose & Bougainvillea
- Mesin Swalayan
- Wayarles
- Ruang Santai (Balkoni)
- *Smart Classroom*

## KEMUDAHAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

1. Beberapa kemudahan khas telah disediakan di Perpustakaan Induk seperti;
  - Bilik Kubikal OKU
  - Ruang membaca
  - Komputer OPAC
  - Lif
  - Tandas
  - Koleksi Braille
  - Ruang Meletak Kenderaan
  - Laluan tactile
  - Kerusi roda

Rujukan **Panduan Perpustakaan Tahun 2023/2024**

[https://www.ums.edu.my/library/media/attachments/2024/04/03/panduan\\_perpustakaan\\_2023\\_2024.pdf](https://www.ums.edu.my/library/media/attachments/2024/04/03/panduan_perpustakaan_2023_2024.pdf)

## PERKHIDMATAN ICT

BIL	MAKLUMAT PERKHIDMATAN	MASA OPERASI	RUJUKAN/URL
1	Perkhidmatan Internet & Pendaftaran Akaun Pengguna Rangkaian tanpa Wayar(Wireless)	<b>ISNIN – KHAMIS</b> <b>8.00 Pg – 12.15 Tgh</b> <b>2.15 Ptg – 4.30 Ptg</b>	Borang boleh didapati di (Bangunan JTMK, Aras Bawah Kaunter Teknikal)
2	Perkhidmatan Instalasi Perisian Berlesen (MS Office, SPSS, Visual Studio)	<b>JUMAAT</b>	
3	Perkhidmatan Video Conferencing	<b>8.00 Pg – 11.15 Pg</b>	
4	Perkhidmatan Pinjaman Alat Bantu Mengajar (ABM)	<b>2.30 Ptg – 4.30 Ptg</b> <b>SABTU &amp; AHAD</b> <b>(TUTUP)</b>	
5	Perkhidmatan E-Learning	<b>24 Jam (Dalam Talian)</b>	<a href="http://smart2.ums.edu.my">http://smart2.ums.edu.my</a>
6	Sistem Maklumat Pelajar Bersepadu (SMPB)	<b>24 Jam (Dalam Talian)</b>	<a href="http://smp.ums.edu.my">http://smp.ums.edu.my</a>

## KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN

- Kompleks Sukan merangkumi Gimnasium, gelanggang bola tampar, tenis, bola jaring dan lain-lain
- Stadium
- Padang Kawad
- Perkhidmatan Pejabat Pos Bergerak
- Mesin ATM (Maybank & Bank Rakyat)
- Kafeteria
- Kedai Buku Anjung Siswa
- Dobi

# **BORANG-BORANG YANG DIPERLU DIMUATNAIK KE SISTEM MAKLUMAT PELAJAR BERSEPADU**

# **BORANG-BORANG YANG PERLU DIMUATNAIK SISTEM MAKLUMAT PELAJAR BERSEPADU**

Berikut adalah borang yang perlu dimuatnaik ke Sistem Maklumat Bersepadu Pelajar (SMPB);

- Surat dari penaja kewangan (sekiranya ada)
- Perakuan Kebenaran Bius dan Pembedahan

Borang Perakuan Kebenaran Bius dan Pembedahan boleh dimuat turun melalui laman web semakan keputusan UMS melalui pautan berikut <https://smp.ums.edu.my/semakanums>.

# MAKLUMAT UMUM

# MAKLUMAT UMUM

## BIASISWA / PINJAMAN/ TAJAAN LAIN

- Pelajar boleh memohon biasiswa / pinjaman/ tajaan lain daripada mana - mana agensi Kerajaan, Badan - Badan Berkanun dan pihak swasta. Iklan mengenai tawaran biasiswa / pinjaman/ tajaan lain ini biasanya dikeluarkan media sosial dan medium rasmi agensi berkaitan. Pihak Universiti Malaysia Sabah juga melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar akan memaklumkan kepada pelajar sekiranya terdapat penawaran biasiswa / pinjaman/ tajaan lain daripada agensi-agensi berkenaan.
- Bagi memudahkan urusan permohonan biasiswa / pinjaman / tajaan lain yang ditawarkan oleh agensi-agensi berkenaan, pelajar dinasihatkan supaya menyediakan sekurang-kurangnya 5 salinan sijil / dokumen berikut yang telah disahkan oleh mana-mana pegawai kumpulan A. Sila simpan salinan tersebut sehingga pelajar memerlukannya.
  - ✓ Surat tawaran masuk ke Universiti Malaysia Sabah
  - ✓ Gambar berukuran pasport (3 keping)
  - ✓ Salinan Sijil Kelahiran
  - ✓ Salinan Kad Pengenalan
  - ✓ Salinan Kad Pengenalan ibubapa/penjaga
  - ✓ Salinan Sijil STPM / Diploma / SPM / PMR dan sijil akademik lain yang berkaitan
  - ✓ Salinan Sijil Berhenti Sekolah
  - ✓ Salinan Penyata Cukai Pendapatan ibu bapa (jika ada)
  - ✓ Salinan Sijil Kerakyatan pelajar / ibubapa (jika ada)
  - ✓ Salinan Slip gaji ibu bapa / penjaga yang terkini (jika ada)
  - ✓ Salinan penyata cukai ibu bapa (jika ada)
  - ✓ Surat pengesahan daripada Penghulu / Ketua Kampung / Pegawai Daerah / Pegawai Kerajaan Kumpulan
  - ✓ A/Wakil Rakyat berkaitan dengan:
    - i. Pekerjaan dan pendapatan ibu bapa / penjaga
    - ii. Tempoh bermastautin pelajar / ibu bapa di negeri berkenaan
- Pelajar yang ingin mendapatkan Surat Pengesahan Penaja / Struktur Bayaran / Bayaran daripada pihak UMS bagi keperluan permohonan biasiswa / pinjaman/ tajaan lain hanya perlu mengisi Borang Permohonan Surat Pengesahan Pendaftaran di pautan (atau imbas kod QR) berikut mengikut Kampus:



**Untuk pelajar Universiti Malaysia Sabah (Kampus Kota Kinabalu & Sandakan)**

: <https://forms.gle/F7byCZ4eqtiQtSXg7>



**Untuk pelajar Universiti Malaysia Sabah (Kampus Antarabangsa Labuan)**

: <https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSfbrasf-nf-sYSN7USszRtxtchJVE-gkvm0x0nbRukYKt3Osw/viewform>

## **PENGELUARAN PENDIDIKAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP) IBUBAPA**

- Pengeluaran ini membolehkan ahli (Ibubapa pelajar) mengeluarkan simpanan Akaun 2 untuk membiayai yuran pengajian ahli / anak ahli (termasuk anak tiri dan anak angkat sah) di Institut Pengajian Tinggi (IPT) di dalam atau di luar negara.
- Pelajar hanya perlu mengisi Borang Permohonan Surat Pengesahan Pendaftaran Pelajar daripada UMS untuk dikemukakan kepada KWSP di pautan (atau imbas kod QR) berikut mengikut Kampus:



Untuk pelajar Universiti Malaysia Sabah (Kampus Kota Kinabalu & Sandakan)

: <https://forms.gle/cywaUEVPVUjpCuXTA>.



Untuk pelajar Universiti Malaysia Sabah (Kampus Antarabangsa Labuan)

: <https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSfbrasf-nf-sYSN7USszRtxtchJVE-gkvm0x0nbRukYKt3Osw/viewform>

- Sila rujuk maklumat lanjut berkaitan prosedur Pengeluaran Pendidikan KWSP di Laman Rasmi KWSP <https://www.kwsp.gov.my/en/>

#### PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN

- Urusan permohonan PTPTN adalah di bawah **TANGGUNGJAWAB** pelajar sepenuhnya. Sila layari <http://www.ptptn.gov.my> untuk maklumat lanjut berkenaan permohonan pembiayaan pendidikan PTPTN.
- Pelajar yang berjaya mendapatkan pembiayaan PTPTN adalah **DIWAJIBKAN** untuk membuka **Akaun Simpanan i-Pro RHB Bank** bagi tujuan kemasukan bayaran wang pembiayaan.

#### TABUNG KEBAJIKAN PELAJAR

- Tabung Kebajikan pelajar disediakan bagi membantu mereka yang menghadapi masalah kebajikan dan kewangan. Pelajar boleh berurusan dengan **Bahagian Kebajikan dan Kewangan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar** bagi mendapatkan maklumat lanjut (Rujuk <https://www.ums.edu.my/hepav2/> )



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**PANDUAN PERGERAKAN MASUK &  
KELUAR KENDERAAN SEMASA  
PENDAFTARAN PELAJAR DI KOLEJ  
KEDIAMAN SEMPENA MSM SESI  
2025/2026**

**27 - 28 SEPTEMBER 2025 (SABTU & AHAD)  
8.00 PAGI - 5.00 PETANG**

## PINTU MASUK UMS

CADANGAN PINTU MASUK MENGIKUT KOLEJ KEDIAMAN

1. KOLEJ KEDIAMAN TUN MUSTAPHA (KKTU) & KOLEJ KEDIAMAN TUN FUAD (KKTU) – PINTU UTAMA & PINTU KE-3
2. KOLEJ KEDIAMAN TUN PENGIRAN AHMAD RAFFAE (KKTU) – PINTU KE-4


SILA IMBAS KOD QR LOKASI PINTU MASUK BAGI MEMUDAHKAN PERJALANAN.




## PERGERAKAN MASUK KENDERAAN IBUBAPA - KKTU

PETUNJUK


- ➔ = LALUAN MASUK DARI PINTU UTAMA
- ➔ = LALUAN MASUK DARI PINTU KE-4



## PERGERAKAN MASUK DAN KELUAR KENDERAAN IBUBAPA - KKTM



## PERGERAKAN MASUK, TEMPAT PARKIR DAN PERGERAKAN KELUAR KENDERAAN IBUBAPA - KKT



**PERGERAKAN MASUK PELAJAR & IBUBAPA KE KKTU – JALAN KAKI**



**PERGERAKAN MASUK PELAJAR DAN IBUBAPA KE KKTPAR (JALAN KAKI) & PERGERAKAN KELUAR KENDERAAN IBUBAPA KKTPAR**



# SOALAN-SOALAN LAZIM

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## **KATEGORI 1 : PENDAFTARAN UNIVERSITI**

**S1: Bagaimana cara untuk membuat pendaftaran universiti?**

J1: Pendaftaran universiti hendaklah dibuat oleh calon pelajar sendiri secara online melalui Sistem Pendaftaran Universiti di laman web <https://smp.ums.edu.my/edaftar>. Sila rujuk manual pengguna di laman web berkenaan untuk maklumat terperinci.

**S2: Bolehkah saya membuat Pendaftaran Universiti secara online selepas tiba di UMS?**

J2: Tidak boleh. Anda perlu membuat pendaftaran universiti dalam tempoh yang ditetapkan.

**S3: Saya tidak mempunyai akaun emel. Bolehkah saya membuat proses Pendaftaran Universiti?**

J3: Sila gunakan emel rasmi Universiti yang telah diberikan bagi tujuan masuk ke dalam sistem e-daftar UMS.

**S4: Saya tidak mempunyai talian internet di rumah. Bagaimana untuk saya mendaftar?**

J4: Sistem Pendaftaran Universiti boleh dicapai di mana-mana tempat yang mempunyai kemudahan talian internet, contohnya siber kafe dan sebagainya.

**S5: Saya menghadapi masalah semasa membuat Pendaftaran Universiti secara online. Siapa perlu saya hubungi untuk bantuan?**

J5: Sebarang masalah berkaitan Pendaftaran Universiti secara online boleh dikemukakan melalui talian Hotline iaitu:

(8.30 pagi - 4.30 petang setiap hari Isnin hingga Jumaat)

Bahagian Perkhidmatan Akademik : 088-329061

Jabatan Bendahari : 088-320 057

**S6: Bolehkah saya melapor diri jika dokumen-dokumen tidak mendapat pengesahan?**

J6: Tidak Boleh.

**S7: Apakah kesannya jika saya tidak lapor diri pada tarikh lapor diri yang ditetapkan?**

J7: Tawaran kemasukan akan terbatal kecuali anda mengemukakan rayuan bertulis dengan alasan munasabah dan mendapat kebenaran daripada Seksyen Promosi, Pengambilan dan Kemasukan Pelajar, Bahagian Perkhidmatan Akademik UMS. Tiada rayuan akan dipertimbangkan setelah tawaran kemasukan terbatal.

**S8: Adakah Penangguhan Pendaftaran kemasukan ke Universiti dibenarkan?**

J8: Penangguhan pendaftaran universiti untuk satu semester tidak dibenarkan dan tawaran kemasukan akan menjadi luput/ terbatal sekiranya calon tidak mendaftar dalam tempoh 2 minggu dari tarikh rasmi pendaftaran Universiti.

**S9: Adakah permohonan pertukaran Fakulti/Program dibenarkan?**

J9: Tawaran Program Pengajian adalah **MUKTAMAD** dan sebarang pertukaran Fakulti / Program adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

**S10: Bagaimana cara membuat permohonan Perpindahan atau Pengecualian Jam Kredit?**

J10: Boleh memohon selepas mendaftar sebagai pelajar Universiti Malaysia Sabah dan boleh dirujuk dalam Kaedah Pengajian Prasiwazah UMS (Muat turun di Laman Sesawang <http://bpa.ums.edu.my>).

**S11: Bolehkah saya menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik kerajaan / swasta selain daripada Pusat Kesihatan Universiti?**

J11: Ya anda dibenarkan. Walau bagaimanapun, anda adalah digalakkan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan di Pusat Kesihatan Universiti.

**S11A: Adakah saya perlu membayar untuk pemeriksaan kesihatan di Pusat Kesihatan Universiti? Sekiranya perlu, bilakah saya perlu membuat bayaran?**

J11A: Ya. Bayaran boleh dibuat di kaunter bayaran Pusat Kesihatan Universiti menggunakan Kad Kredit/ Debit, serta melalui aplikasi Maybank QR Pay, Boost dan AliPay, Jompay semasa menjalankan pemeriksaan di fasiliti Pusat Kesihatan Universiti. Pembayaran tunai adalah tidak dibenarkan.

**S12: Sebagai pelajar baharu, bolehkah saya membawa kenderaan sendiri?**

J12: Pelajar baharu **TIDAK DIBENARKAN** untuk membawa kenderaan sendiri.

**S13: Apakah pakaian yang sesuai semasa lapor diri?**

J13: Berpakaian formal dan sopan seperti yang telah ditetapkan dalam garis panduan etika berpakaian pelajar. (*Rujuk Muka Surat 17*)

**S14: Saya mewakili negara dalam bidang olahraga, adakah disediakan kemudahan untuk saya menjalani latihan?**

J14: Ada, di samping itu terdapat juga kemudahan sukan yang lain disediakan.

**S15: Ibu/Bapa saya tidak mempunyai borang J, bagaimanakah saya hendak mengesahkan pendapatan ibu/bapa saya?**

J15: Anda boleh mendapatkan pengesahan pendapatan ibu/bapa anda daripada Pengawai / Penghulu / Ketua Kampung.

**S16: Apakah yang dimaksudkan dengan MSM?**

J16: Minggu Suai Mesra (MSM) adalah program khusus dan wajib kepada pelajar baharu untuk memberi pendedahan kepada kehidupan kampus yang lebih menyeluruh di samping taklimat-taklimat dan pengisian penting berkaitan hal ehwal pelajar dan akademik. Ia bertujuan agar pelajar mengenali Universiti Malaysia Sabah dengan lebih dekat serta mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar dan kakitangan.

## **KATEGORI 2 : YURAN PENGAJIAN**

**S17: Bolehkah saya mendaftar jika tidak membayar yuran pendaftaran?**

J17: Tidak boleh. Pembayaran perlu dibuat selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh lapor diri.

**S18: Bagaimana kaedah bayaran yuran yang boleh dibuat oleh pelajar semasa Pendaftaran Universiti?**

J18: Mohon rujuk kaedah bayaran yuran pengajian di para 1 dan poster Kaedah Pembayaran.

**S19: Apakah MEPS FPX?**

J19: MEPS FPX (Financial Process Exchange) adalah *payment gateway* yang membenarkan anda untuk membuat pembayaran secara online melalui akaun simpanan atau akaun semasa anda. Anda cuma memerlukan talian internet, akaun bank dengan mana-mana bank yang terlibat dengan MEPS FPX. Ia adalah satu proses yang mudah, senang dan selamat.

**S20: Adakah saya perlu mendaftar dengan MEPS FPX untuk menggunakan perkhidmatan MEPS FPX?**

J20: Tiada pendaftaran diperlukan untuk menggunakan kemudahan MEPS FPX. Anda cuma perlukan akaun Internet Banking dengan mana-mana bank yang terlibat dengan MEPS FPX untuk menggunakan kemudahan ini.

**S21: Bolehkah saya membuat pembayaran secara tunai di Universiti?**

J21: Tidak boleh. UMS telah melancarkan Kampus Tanpa Tunai. Kaunter bayaran hanya akan menerima bayaran melalui Kad Kredit/ Debit, serta melalui aplikasi Maybank QR Pay, Boost dan AliPay sahaja.

**S22: Adakah saya perlu membawa bersama salinan asal BUKU BANK ?**

J22: Tidak perlu, pelajar cuma perlu mengemaskini sendiri maklumat akaun bank dalam Sistem Maklumat Pelajar Bersepadu (SMPB).

**KATEGORI 3 : KOLEJ KEDIAMAN**

**S23: Siapa yang layak mendapat kemudahan kolej kediaman?**

J23: Kolej Kediaman disediakan bagi pelajar yang mengikuti pengajian di Universiti Malaysia Sabah tertakluk kepada syarat-syarat oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan pelajar tahun 1 **DIWAJIBKAN** tinggal di Kolej Kediaman yang disediakan.

**S24: Jika saya sampai selepas waktu bekerja semasa hari lapor diri ke mana harus saya tuju?**

J24: Anda dinasihatkan supaya berhubung dengan pihak pengurusan kolej kediaman masing-masing.

**S25: Keluarga saya ingin turut serta menghantar saya pada hari lapor diri. Di manakah penginapan yang terdekat dengan UMS untuk keluarga saya menginap?**

J25: Terdapat banyak tempat-tempat penginapan yang berdekatan dengan kampus UMS. Maklumat lanjut sila rujuk mana-mana laman sesawang atau aplikasi seperti Trivago / Booking.com dll.

**S26: Adakah saya akan kekal di kolej kediaman sehingga tamat pengajian?**

J26: Tidak. Hanya pelajar Tahun 1 sahaja yang disediakan penginapan di kolej kediaman manakala pelajar Tahun 2 dan seterusnya adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam peraturan kolej kediaman.

**S27: Adakah saya boleh memilih mana-mana bilik yang sesuai untuk saya atau bersama rakan-rakan saya?**

J27: Tidak. Penempatan pelajar adalah ditentukan oleh pihak pengurusan kolej kediaman selaras falsafah kolej kediaman iaitu Kolej Kediaman adalah Pusat Kecemerlangan lanjutan dan pelengkap kepada sistem pendidikan Universiti berteraskan semangat integrasi nasional dan memelihara kesejahteraan dan keharmonian.

**KATEGORI 4 : KESIHATAN / KECEMASAN**

**S28: Saya menghidap penyakit asma. Adakah kemudahan perubatan disediakan di setiap kampus?**

J28: Ya. Kemudahan perubatan disediakan di semua kampus UMS seperti berikut:

- **Pusat Rawatan Warga dan Poliklinik UMS** di Kampus Induk Kota Kinabalu
- **Klinik Rawatan Warga KAL** di Kampus Antarabangsa Labuan
- **Klinik Rawatan Warga FPL** di Fakulti Pertanian Lestari, Sandakan

Kesemua fasiliti ini dikendalikan oleh petugas perubatan yang terlatih dan berpengalaman.

**S29: Siapakah yang perlu saya hubungi semasa kecemasan di luar waktu operasi Pusat Kesihatan Universiti?**

J29: Dalam situasi kecemasan di luar waktu operasi, anda boleh menghubungi:

- Pengetua atau kakitangan pejabat kolej kediaman
- Bahagian Keselamatan di kolej kediaman masing-masing
- Atau terus menghubungi talian kecemasan **999**

**S30: Adakah saya diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan di Pusat Kesihatan Universiti?**

**J30:** Ya. Semua pelajar diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan di salah satu fasiliti berikut:

- **Pusat Rawatan Warga UMS**, Kota Kinabalu
- **Poliklinik UMS**, Kota Kinabalu
- **Klinik Rawatan Warga UMS**, Kampus Antarabangsa Labuan
- **Klinik Rawatan Warga**, Fakulti Pertanian Lestari, Sandakan

**Pengecualian:** Pelajar dalam jurusan **Perubatan** dan **Kejururawatan** tidak diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan selepas pendaftaran. Sebaliknya, mereka perlu menyelesaikan pemeriksaan tersebut sebelum mendaftar.

**S31: Bolehkah saya mendapatkan rawatan susulan di Pusat Kesihatan Universiti?**

**J31:** Ya. Anda boleh mendapatkan rawatan susulan di mana-mana Pusat Kesihatan Universiti. Sila pastikan untuk membawa bersama semua dokumen atau rekod kesihatan yang berkaitan semasa hadir untuk rawatan.

**S32: Adakah saya perlu membayar untuk mendapatkan rawatan di Pusat Kesihatan Universiti?**

**J32:** Tidak. Rawatan untuk **kes-kes akut (pesakit luar)** adalah **ditanggung oleh pihak universiti**. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada **Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar Universiti Malaysia Sabah**.

**S33: Adakah perkhidmatan rawatan pergigian disediakan di Pusat Kesihatan Universiti? Apakah caj yang dikenakan?**

**J33:** Ya. Perkhidmatan pergigian disediakan di Pusat Kesihatan Universiti. Rawatan **kecemasan dan separa kecemasan** seperti **cabutan gigi** dan **tampalan gigi** adalah **ditanggung oleh universiti**, tertakluk kepada **Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar Universiti Malaysia Sabah**.

## SOAL SELIDIK MENGENAI UMS



Sila imbas qr-code di atas untuk soal selidik mengenai bagaimana mengetahui tentang UMS



Sila imbas qr-code di atas untuk soal selidik Mengenai faktor memilih program UMS

**Web Rasmi  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

<https://www.ums.edu.my>

**UNTUK SEBARANG PERTANYAAN / KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI KAMI DI:**

**HOTLINE (Waktu Pejabat):**

Pendaftaran Universiti: 088-329061 samb. 200406

Yuran Pengajian: 088-320057 ([bkpums@ums.edu.my](mailto:bkpums@ums.edu.my))

Kolej Kediaman: *Rujuk m/s 16*

Jabatan Hal Ehwal Pelajar: 088-320060 (Whatsapp) ([pejhep@ums.edu.my](mailto:pejhep@ums.edu.my))

**HOTLINE (24 Jam):**

Kad Pelajar / Bahagian Keselamatan : **088 - 329 053/ 012-7922979** (Whatsapp)